

Mereka terdiri daripada warga asing dan orang kaya - Perdana Menteri

# 3.5 juta tidak layak dapat subsidi

Oleh **FITRI NIZAM**  
dan **MOHD. HUSNI MOHD. NOOR**  
utusannews@mediamuli.com.my

**PETALING JAYA:** Subsidi yang kini berjumlah hampir RM80 bilion yang sepatutnya hanya dinikmati golongan susah dikesan telah 'dirampas' oleh 3.5 juta warga asing dan orang kaya.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, selama ini kerajaan membelanjakan kira-kira RM22 bilion bagi membantu rakyat miskin dan mereka yang memerlukan khususnya yang tinggal di desa dan pedalaman.

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri, kajian menunjukkan tidak semua peruntukan

tersebut sampai kepada golongan sasaran berikutan wujud pelbagai ketirisan.

"Mana mungkin masih wujud miskin tegar dalam negara ini sekiranya perbelanjaan berjumlah RM22 bilion dan subsidi RM80 bilion itu semuanya sampai kepada golongan miskin dan orang-orang susah.

"Kerana itu saya tidak sanggup untuk membiarkan ketirisan dana kerajaan ini berterusan atau membenarkan hak orang-orang susah dirampas golongan kaya dan berkemampuan," katanya dalam kenyataan semalan.

Sehubungan itu, katanya, sistem Pangkalan Data Utama

(PADU) yang dilancarkan kelmarin bertujuan menghentikan ketirisan dan kebocoran sedemikian seterusnya memastikan hanya mereka yang berhak dapat menikmati subsidi serta manfaat lain menerusi penyasaran berkesan.

**Bersambung di muka 3**

## 3.5 juta tidak layak dapat subsidi

### Dari muka 1

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pendaftaran sistem PADU sudah dibuka secara langsung bermula kelmarin sehingga 31 Mac ini bagi membolehkan orang ramai mengemas kini serta mengesahkan maklumat peribadi seperti nombor kad pengenalan, bilangan isi rumah dan alamat.

Sistem PADU dibangunkan melalui kepakaran tempatan di

Kementerian Ekonomi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) serta Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama serta sokongan pelbagai kementerian, agensi dan kerajaan negeri.

Sementara itu di **PUTRA-JAYA**, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata, pelaksanaan sistem PADU tidak akan ditangguhkan biarpun timbul beberapa isu teknikal selepas ia

diluncurkan.

Menurutnya, jemaah menteri yang bermesyuarat semalam turut memutuskan PADU akan diteruskan seperti dirancang.

“Ketika ini kerajaan mendapati sistem tersebut berjalan lancar, malah isu-isu berbangkit berjaya diselesaikan dalam jangka masa singkat.

“Pemantauan tentang isu keselamatan juga terus dilakukan dan tidak timbul isu untuk menangguhkan PADU,”

katanya dalam sidang akhbar, semalam.

Fahmi menambah, beliau juga percaya segala isu berbangkit mengenai pelaksanaan PADU dititikberatkan oleh Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dan pasukannya.

Jelasnya, jemaah menteri turut merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan PADU kerana bertungkus-lumus dalam tempoh singkat bagi memastikan sistem itu tersedia.